

BAHASA MELAYU TAHUN 4
Tajuk : Unit 3 Satu Untuk Semua
Tatabahasa : Kata Ganti Nama (B.Teks ms 17)



Isikan tempat kosong dengan Kata Ganti Nama yang sesuai. Pastikan ejaan dan tanda baca betul.

Rajiv : Kamu sedang buat apa di situ Hadif?

Hadif : Saya Sedang membaca e-buku ini, Kamu seorang sahaja?

Mengapakah _____ tidak datang bersama-sama dengan Haziq?

Rajiv : Haziq tidak dapat datang kerana dia menolong ibunya mengemas rumah. _____ akan datang ke sini setelah selesai menolong ibunya.

Hadif : Marilah kita membaca bersama-sama di meja sana. Adik-adik saya hendak bermain di _____. Mereka akan mengganggu _____ nanti.

Hadif : Kamu boleh menggunakan tablet _____ atau komputer riba itu. Saya pula akan menggunakan telefon bimbit milik ibu _____. Ibu sudah memberi keizinan.\

Rajiv : Terima kasih, Hadif. Bagaimanakah cara membaca e-buku ____ ?

Hadif : _____ perlu memuat turun buku cerita yang telah dibeli .
Kemudian, masukkan nama pengguna dan kata laluan.

Ayah : Kalian sedang membaca e-buku?

Rajiv : Ya, _____ sedang membaca e-buku.

-Sila klik 'finish' setelah selesai menjawab.

-Tangkap layar markah anda dan hantar di GC atau telegram.